

	KAEDAH PENGGUNAAN PERANTI PERIBADI BAGI TUJUAN RASMI (BYOD) LPKtn-ISMS-P1-17	ISO/IEC 27001:2013
	M/S : 1 / 2	

1.0 Pengenalan

Fenomena penggunaan peralatan sendiri di pejabat kini telah menjadi satu budaya kerja yang tidak boleh dielakkan. Bagi kebanyakan organisasi, menyekat penggunaan peralatan mudah alih peribadi adalah pilihan yang tidak realistik. Realiti bisnes masa kini terus menekan dan memaksa pengurusan organisasi untuk membenarkan penggunaan peralatan mudah alih peribadi bagi mencapai aplikasi dan data rasmi organisasi, walaupun risiko yang bakal dihadapi adalah tinggi, tetapi risiko ini perlu diuruskan dengan sebaiknya.

2.0 Definisi

Perkara	Definisi
Bring Your own Device (BYOD)	Peranti atau peralatan mudah alih persendirian seperti telefon pintar, tablet, Pendrive, <i>Hard Disk</i> dan <i>laptop</i> yang mengandungi maklumat rasmi dan/atau digunakan untuk tujuan rasmi.

3.0 Perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

(a) Pengguna BYOD perlu memastikan keselamatan maklumat semasa menggunakan peralatan BYOD;

(b) Pengguna BYOD adalah dilarang memasang perisian yang mengganggu perkhidmatan rangkaian LPKtn;

	KAEDAH PENGGUNAAN PERANTI PERIBADI BAGI TUJUAN RASMI (BYOD) LPKtn-ISMS-P1-17	ISO/IEC 27001:2013
	M/S : 2 / 2 Terbitan : 1	

(c) Pengguna BYOD diwajibkan mengaktifkan fungsi keselamatan katalaluan di setiap komputer riba / peranti;

(d) Perkakasan BYOD hendaklah dilindungi oleh perisian *Antivirus* bagi mengelak penyebaran *virus/malware/trojan* dan lain-lain ke atas pengguna LPKtn yang lain;

(e) Pengguna BYOD perlu memastikan peranti yang digunakan menggunakan teknologi penyulitan (*encryption*), tandatangan digital atau sebarang mekanisme bagi melindungi maklumat elektronik semasa ianya digunakan;

(f) Pengguna BYOD adalah dilarang menyalin dan membawa keluar maklumat organisasi dengan menggunakan peranti mudah alih dan media storan seperti USB, external HD dan sebagainya;

(g) Pengguna BYOD perlu memadam dokumen elektronik dengan merincih secara elektronik/ *'secure deletion'* selepas dokumen tidak lagi digunapakai; dan

(h) Pengguna BYOD adalah dilarang meninggalkan komputer riba / peranti di luar ruang pejabat yang terbuka tanpa menguncikannya dengan kabel keselamatan

Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) berhak melakukan siasatan terhadap BYOD (sekiranya disyaki) dan/atau akan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran Kaedah Keselamatan LPKtn.